

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2019 melainkan jika dinyatakan

## Objective / Objektif Dana

Takafulink Dana Urus is a managed fund that seeks to maximise returns over medium to long term. This is achieved by investing in Shariah-approved shares and securities through Takafulink Dana Ekuiti and Takafulink Dana Bon and in any other such Takafulink funds that may become available in the future. Suitable for participants with moderate to high risk tolerance and medium to long term investment horizon.


Takafulink Dana Urus adalah satu dana yang diuruskan untuk memaksimumkan pulangan di dalam jangka masa sederhana ke panjang. Ia dicapai dengan pelaburan di dalam saham dan sekuriti berlandaskan Shariah melalui Takafulink Dana Ekuiti dan Takafulink Dana Bon serta dana-dana Takafulink yang lain yang mungkin disediakan di masa hadapan. Dana ini adalah untuk para peserta yang mempunyai daya toleransi sederhana ke tinggi dan ingin melabur di dalam jangka masa sederhana ke panjang.

## Fund Details / Maklumat Terperinci Dana

Investment Manager / Pengurus Pelaburan	Eastspring al-Wara' Investments Berhad
Inception Date / Tarikh Diterbitkan	01/12/2006
Current Fund Size / Saiz Dana Terkini	RM299,665,238.69
Annual Fund Management Charge / Caj Pengurusan Dana Tahunan	1.30% per annum
Current NAV / NAB Terkini	RM2.01916

## How the Fund has performed / Prestasi Dana


**Performance Graph / Jaduan Prestasi Dana**  
Takafulink Dana Urus Vs. 80% FBMSHA + 20% 12 MTH MBB T1 Islamic Term Deposit Rate



## Total Price Movement Over the Following Periods / Jumlah Pergerakan Harga Dalam Tempoh Tersebut

	1 month	3 months	6 months	1 year	3 years	5 years	Since Inception
Price Movement / Pergerakan Harga	0.22%	1.50%	-4.19%	-6.06%	2.13%	7.69%	101.79%
Benchmark / Penanda Aras	-0.24%	1.46%	-5.93%	-8.71%	-3.18%	-5.74%	59.50%
Outperformance / Perbezaan Prestasi	0.46%	0.04%	1.74%	2.65%	5.31%	13.43%	42.29%

## Where the Fund invests Komposisi Pelaburan Dana



### Asset Allocation Peruntukan Aset

	% NAV
1 Takafulink Dana Ekuiti	82.44
2 Takafulink Dana Bond	17.56

## Takafulink Dana Ekuiti Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Tenaga Nasional Berhad	8.80
2 Dialog Group Berhad	6.36
3 Petronas Chemicals Group Berhad	6.00
4 IOI Corporation Berhad	3.79
5 QL Resources Berhad	3.74
6 Axiata Group Berhad	3.62
7 Petronas Gas Berhad	3.03
8 Sime Darby Plantation Berhad	2.85
9 Hartalega Holdings Berhad	2.70
10 Digi.Com Berhad	2.64

## Takafulink Dana Bon Top 10 Holdings 10 Pegangan Teratas

	%
1 Prasarana Malaysia Berhad	6.92
2 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional*	4.35
3 Tenaga Nasional Berhad	4.23
4 Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional*	4.20
5 YTL Power International Berhad	4.19
6 Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam	4.18
7 Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	4.09
8 MEX II Sdn Bhd	3.49
9 Manjung Island Energy Berhad	3.43
10 Sarawak Energy Berhad	3.39

\* Different coupon rates & maturity dates for each.

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2019 melainkan jika dinyatakan

## Monthly Update / Laporan Bulanan Terkini

### Equities

#### Market Review

Emerging markets generally had a positive month of March, on the back of a more than expected dovish US Federal Reserve, positive news around trade talks and China's fresh stimulus measures. The Malaysian equity market however, was one of the worst performers in the region, with the FBM Emas Shariah Index declining 0.38% mom in March to close at 11,688 points, down 44 points. The market weakness comes after the Invest Malaysia event held on 19-20 March, and amidst the risk to earnings for banks due to a possible rate cut, slower corporate earnings growth prospects and policy uncertainty. Foreign investors were net sellers of equity of RM1.6b in March, bringing 1Q2019 net foreign outflow of RM1.4bn. The FBM Small Cap Shariah index gained 2.03% for the month. The best performing sectors were Energy (+7.1%) and Construction (+6.85%). News flow on the revival of the East Coast Rail Line has spurred interest in the construction sector again. The worst performing sectors were Finance (-4.63%) and Transport (-2.2%). Stocks with exposure to Turkey were sold down due to the post elections turmoil which saw the Lira depreciating again.

#### Market Outlook

External headwinds seem to be getting stronger, with a lot of uncertainties likely to prevail and fuel volatility. The US-China trade truce has been extended, and negotiations are still on-going- but still an uncertain outcome. On a positive note, China's Markit Services PMI rose to a 14-month high, matching the improvement in the manufacturing PMI, lifting investor sentiment. A US-China trade deal will apparently give China until 2025 to meet commitments on commodity purchases and allow US companies to wholly own enterprises in China, however enforcement of the agreement will be challenging and potentially problematic. The UK parliament narrowly passed the bill forcing the government to request Article TEU extension, but the risk of snap elections remain high. Domestically, it is challenging to identify positive catalysts that will drive the economy out of this lethargy. Corporates earnings positive surprises will be few, as policy uncertainty will make companies think twice before investing and expanding. Nevertheless, we remain focused on companies that have strong fundamentals and a good track record of thriving even in challenging environments.

### Ekuiti

#### Tinjauan Bulanan

Pasaran Memunculkan umumnya berprestasi positif pada bulan Mac, di sokong oleh pendekatan Rizab Persekutuan AS yang lebih mesra daripada jangkaan, perkembangan positif mengenai rundingan perdagangan dan langkah rangsangan baharu di China. Walau bagaimanapun, ekuiti Malaysia merupakan salah satu pasaran berprestasi terburuk di rantau ini, dengan FBM Emas Shariah susut 0.38% bulan ke bulan dalam Mac lalu di tutup pada 11,688 mata, turun 44 mata. Kelembapan pasaran berlaku selepas Invest Malaysia yang berlangsung pada 19 hingga 20 Mac, di tengah-tengah risiko perolehan bank berikutan kemungkinan potongan kadar, prospek pertumbuhan pendapatan korporat yang memperlahankan dan ketidakpastian dasar. Pelabur asing adalah penjual bersih ekuiti bernilai RM1.6 bilion pada bulan Mac, menjadikan aliran keluar bersih 1Q2019 sebanyak RM1.4 bilion. Indeks FBM Small Cap Shariah naik 2.03% untuk bulan tersebut. Sektor berprestasi terbaik adalah Tenaga (+7.1%) dan Pembinaan (+6.85%). Perkhabaran mengenai projek East Coast Rail Line yang akan dihidupkan semula telah mendorong minat dalam sektor pembinaan sekali lagi. Sektor berprestasi paling buruk ialah Kewangan (-4.63%) dan Pengangkutan (-2.2%). Saham yang terdedah kepada Turki telah di jual rendah berikutan pergolakan pasca pilihanraya yang mengakibatkan Lira menyusut kembali.

#### Gambaran Bulanan

Rempuhan faktor luaran kelihatan semakin kuat, dengan kebanyakan ketidakpastian mungkin menyerlah dan menyemarakkan ketaktentuan. Gencatan perdagangan Amerika Syarikat-China telah dilanjutkan, dan rundingan masih berterusan - tetapi dapatan rundingan masih belum dirumuskan. Suatu catatan positif, PMI Perkhidmatan Markit China meningkat kepada paras tertinggi 14 bulan, menyamai peningkatan perkilangan PMI, telah merangsang sentimen pelabur. Perjanjian perdagangan AS-China nampaknya akan memberi peluang kepada China untuk memenuhi komitmen pembelian komoditi sehingga 2025 lalu membolehkan syarikat-syarikat AS untuk memiliki perusahaan sepenuhnya di China, namun penguatkuasaan perjanjian itu akan mencabar dan mungkin bermasalah. Parlimen UK meluluskan rang undang-undang terbatas yang memaksa kerajaan untuk memohon lanjutan Perkara TEU, tetapi risiko pilihanraya kilat masih tinggi. Di dalam negara, mengenal pasti pemangkin positif yang berupaya mendorong ekonomi keluar daripada kelesuan ini merupakan sesuatu yang mencabar. Kejutan positif berkaitan pendapatan korporat hanya sedikit, berikutan ketidakpastian dasar akan membuat syarikat berfikir dua kali sebelum melabur dan berkembang. Walau bagaimanapun, kami tetap memberi tumpuan kepada syarikat yang mempunyai asas yang kukuh dan rekod prestasi yang baik untuk berkembang maju walaupun dalam persekitaran yang mencabar.

### Fixed Income

#### Market Review

Malaysia sovereign bonds yields for 5-years, 10-years and 15-years MGS continued to decrease by 12-19bps in March to close lower at 3.53%, 3.77% and 4.12% respectively while the 3-year MGS yield increased by 19bps to close at 3.38%. In March, sovereign bonds yields moved due to continued buying interest from local investors. Similarly, MGII yields 3-years, 5-years, 10-years and 15-years moved lower by 15-26bps respectively to close at 3.49%, 3.60%, 3.81% and 4.11% respectively. Meanwhile, trading in corporate bonds increased in the month of March with most trades concentrated in selected quasi-government and AAs rated bonds.

#### Market Outlook

In April, there will be three MYR government bond auctions, a re-opening of a 15-year MGS, a new issue of 5.5y MGII and a re-opening of 7-year MGS. There will also be a maturity of around RM10billion of MGII during the month. Sovereign bonds yields are expected to remain volatile given the global economic uncertainties while investors continue their search for yields. Nevertheless, we expect domestic sovereign bond market to remain supported by ample liquidity and strong investor demand. On the corporate bond front, the market is expected to see a continuous supply in the April as yields have decreased over the past three months which is favorable for issuers. We expect demand for corporate bonds to remain strong due to scarcity of quality corporate bond supply.

#### Fund Review and Strategy

The Fund returned 0.22% for the month, outperforming the benchmark return of -0.24% by 0.46%. Year-to-date, the fund returned 1.50%, outperforming the benchmark return of 1.46% by 0.04%. As of end-Mar 2019, the Fund has 82.4% exposure in equities and 17.6% in sukuk (versus Neutral position of 80:20 equity: sukuk)

# TAKAFULINK DANA URUS

All information as at 31 March 2019 unless otherwise stated

Semua maklumat adalah seperti pada 31 Mac 2019 melainkan jika dinyatakan

## Pendapatan Tetap

### Tinjauan Bulanan

Hasil MGS bon kerajaan Malaysia bagi 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing terus berkurangan pada 12 hingga 19 bps pada Mac lalu di tutup lebih rendah pada 3.53%, 3.77% dan 4.12% manakala hasil MGS 3 tahun meningkat 19 bps lalu di tutup pada 3.38%. Pada bulan Mac, hasil bon kerajaan bergerak disebabkan oleh minat belian pelabur tempatan yang berterusan. Begitu juga, hasil MGII 3 tahun, 5 tahun, 10 tahun dan 15 tahun masing-masing bergerak lebih rendah sebanyak 15 hingga 26 bps lalu di tutup pada 3.49%, 3.60%, 3.81% dan 4.11%. Sementara itu, dagangan dalam bon korporat meningkat pada bulan Mac dengan kebanyakan aktiviti bertumpu dalam bon bergred kuasi kerajaan dan AA yang terpilih.

### Gambaran Bulanan

Pada bulan April, terdapat tiga lelongan bon kerajaan MYR, pembukaan semula MGS 15 tahun, terbitan baharu MGII 5.5 tahun dan pembukaan semula MGS 7 tahun. Satu lagi MGII sekitar RM10 bilion akan matang pada bulan tersebut. Hasil bon kerajaan di jangka kekal tidak menentu ekoran ketidakpastian ekonomi global sementara pelabur meneruskan pemburuan hasil. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan bahawa pasaran bon kerajaan domestik kekal di sokong oleh mudah tunai yang mencukupi dan permintaan pelabur yang kukuh. Meninjau bon korporat, pasaran di jangka akan menerima bekalan yang berterusan pada bulan April berikutan hasil telah berkurang sejak tiga bulan yang lalu memberi manfaat kepada penerbit. Kami menjangkakan bahawa permintaan bagi bon korporat akan terus kukuh disebabkan oleh kekurangan bekalan bon korporat yang berkualiti.

### Tinjauan dan Strategy Dana

Dana mencatat pulangan 0.22% untuk bulan ini, mengatasi pulangan penanda aras -0.24% sebanyak 0.46%. Setakat tahun ini, Dana memulangkan 1.50%, mengatasi pulangan penanda aras 1.46% sebanyak 0.04%. Setakat akhir bulan Mac 2019, Dana mempunyai 82.4% pendedahan dalam ekuiti dan 17.6% dalam sukuk (berbanding kedudukan Neutral 80:20 ekuiti: sukuk)

Source / Sumber: Fund Commentary, March 2019, Eastspring Investments Berhad

## Disclaimer

Investments are subject to investment risks including the possible loss of the principal amount invested. The value of the units may fall as well as rise. Past performances of the funds and that of the fund managers are not necessarily indicative of future performance. The price movements indicated are not reflective of the actual return on your investments (which are subject to your premium allocation rate and deduction charges). The actual return on your invested premiums may fluctuate based on the underlying performance of the investment-linked funds. All Takafulink Dana are invested in Shariah-approved securities and/or Islamic private debt securities. This leaflet is for illustrative purposes only. For further details on the terms and conditions, please refer to the policy document. For further details on how you can invest in these funds, please refer to the respective product brochures. In the event of discrepancy between the information in this fact sheet and the policy document, the information in the policy document shall prevail.

Pelaburan adalah tertakluk kepada risiko-risiko pelaburan termasuk kemungkinan kehilangan jumlah wang pokok yang dilabur. Nilai unit mungkin naik ataupun jatuh. Prestasi masa dulu dana-dana atau pengurus-pengurus dana tidak semestinya mencerminkan prestasi masa depan. Pergerakan harga yang ditunjukkan tidak menggambarkan pulangan sebenar pelaburan anda (yang tertakluk kepada kadar peruntukan premium dan caj potongan). Pulangan sebenar ke atas premium yang anda labur mungkin berbeza, bergantung kepada prestasi dana-dana). Semua Takafulink Dana dilaburkan dalam sekuriti yang diluluskan oleh Syariah dan/atau sekuriti hutang swasta Islam. Risalah ini disediakan hanya untuk gambaran semata-mata. Sila rujuk kepada dokumen polisi untuk keterangan lanjut mengenai terma-terma dan syarat-syarat. Untuk keterangan lanjut mengenai bagaimana anda boleh melabur dalam dana-dana ini, sila rujuk kepada risalah-risalah produk yang berkenaan. Jika terdapat perbezaan di antara helaian fakta dan dokumen polisi, maklumat dalam dokumen polisi dianggap muktamad.